

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS Group Term Takaful”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)	TAKAFUL IKHLAS BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)																				
	IKHLAS GROUP TERM TAKAFUL																				
	Date: 21/01/2015																				
1) Produk apakah ini?																					
<p>Produk ini menyediakan perlindungan sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal dan menyeluruh (TPD) disebabkan oleh kemalangan atau sebab-sebab semulajadi ke atas Orang Yang Dilindungi (pekerja-pekerja atau ahli-ahli) kepada Pemegang Sijil Induk Takaful.</p> <p>Ini adalah Produk Takaful Keluarga berkelompok yang memberikan perlindungan setahun dengan pelbagai pilihan berdasarkan Jumlah Perlindungan yang direka seperti di bawah;</p> <p>a. Pelan Jumlah Perlindungan Setara, seperti RM20,000 untuk semua pekerja b. Pelan Pekali Gaji, seperti Jumlah Perlindungan = 2.5 x Gaji Tahunan c. Pelan berdasarkan Kumpulan Gaji, contohnya:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Gaji Tahunan</th> <th>Jumlah Perlindungan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sehingga RM 20,000</td> <td>35,000</td> </tr> <tr> <td>RM 20,001 - 40,000</td> <td>50,000</td> </tr> <tr> <td>RM 40,001 - 60,000</td> <td>80,000</td> </tr> <tr> <td>RM 60,001 - 80,000</td> <td>100,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>d. Pelan Berdasarkan Jawatan, contohnya:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatan</th> <th>Jumlah Perlindungan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sementara</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>Bukan Eksekutif</td> <td>30,000</td> </tr> <tr> <td>Eksekutif</td> <td>50,000</td> </tr> <tr> <td>Pengurusan Atasan</td> <td>150,000</td> </tr> </tbody> </table>		Gaji Tahunan	Jumlah Perlindungan (RM)	Sehingga RM 20,000	35,000	RM 20,001 - 40,000	50,000	RM 40,001 - 60,000	80,000	RM 60,001 - 80,000	100,000	Jawatan	Jumlah Perlindungan (RM)	Sementara	10,000	Bukan Eksekutif	30,000	Eksekutif	50,000	Pengurusan Atasan	150,000
Gaji Tahunan	Jumlah Perlindungan (RM)																				
Sehingga RM 20,000	35,000																				
RM 20,001 - 40,000	50,000																				
RM 40,001 - 60,000	80,000																				
RM 60,001 - 80,000	100,000																				
Jawatan	Jumlah Perlindungan (RM)																				
Sementara	10,000																				
Bukan Eksekutif	30,000																				
Eksekutif	50,000																				
Pengurusan Atasan	150,000																				
2) Apakah konsep Syariah yang digunakan?																					
<ul style="list-style-type: none"> • Tabarru’ – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko. • Wakalah – bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta di mana Peserta Takaful melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah. 																					

3) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

i) Manfaat Asas

Manfaat	Keterangan
a. Kematian	Semasa kematian Orang Yang Dilindungi, jumlah perlindungan akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk Takaful.
b. Keilatan Kekal dan Menyeluruh	<p>Semasa Orang Yang Dilindungi mengalami keilatan kekal dan menyeluruh, jumlah perlindungan akan dibayar kepada Peserta Takaful, tertakluk pada syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hilang upaya yang berlaku adalah berdasarkan definisi "Pekerjaan Sendiri atau Bersesuaian" atau "Apa-apa Pekerjaan", bergantung kepada profil kumpulan. • Manfaat keilatan akan dibayar setelah tamat tempoh kelayakan (tempoh menunggu) yang akan ditentukan oleh pihak Syarikat bergantung kepada jenis perlindungan. • Keadaan sedia wujud akan dikecualikan dari manfaat ini.

ii) Riders

Manfaat	Keterangan
a. Penyakit Kritikal Pra-Bayar	<ul style="list-style-type: none"> • Jika Orang Yang Dilindungi disahkan menghidap mana-mana dari Penyakit Kritikal yang dilindungi yang didefinisikan di dalam Sijil Induk Takaful, Jumlah perlindungan akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk Takaful. • Manfaat perlindungan bagi Sijil Asas Takaful kemudiannya akan dikurangkan mengikut jumlah bayaran yang dibuat ke atas Sijil Tambahan Takaful ini.
b. Kematian dan Keilatan Akibat Kemalangan	Jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Mengalami Keilatan Kelal dan Menyeluruh atau mengalami Keilatan Separa Kekal yang disebabkan oleh Kemalangan, Syarikat akan, selepas menerima dan meluluskan bukti-bukti, membayar Jumlah Perlindungan kepada Pemegang Sijil Induk Takaful.
c. Manfaat Hospital	Jika Orang Yang Dilindungi ditahan di dalam Hospital Awam termasuk Hospital pelatih perubatan kerajaan di Malaysia atau di Hospital yang dibenarkan oleh Syarikat, setelah disyorkan dan mendapat kebenaran Doktor yang sah dan berkelayakan, maka tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Sijil Induk Takaful, Syarikat akan membayar kepada Pemegang Sijil Induk Takaful elaun harian hospital pada kadar yang ditunjukkan di dalam Sijil Induk Takaful.
d. Perlindungan Menyeluruh Keilatan Separa Kekal	<ul style="list-style-type: none"> • Jika Orang Yang Dilindungi mengalami kehilangan fizikal atau kehilangan kegunaan anggota badan atau organ atau kehilangan penglihatan yang tidak boleh dipulih, Pihak Syarikat, selepas menerima dan mengesahkan bukti, akan membayar pampasan berdasarkan Jadual Pampasan dengan syarat keilatan tersebut mestilah berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan dari kehilangan tersebut didiagnosis. Jumlah pampasan PPD adalah seperti yang dinyatakan dalam bentuk peratusan daripada Jumlah Perlindungan PPD seperti tercatat di dalam Jadual Pampasan.

	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Yang Dilindungi boleh membuat lebih daripada satu tuntutan di bawah faedah PPD, dengan syarat jumlah yang dibayar tidak melebihi 100% daripada Jumlah Perlindungan. • Manfaat perlindungan bagi Sijil Asas Takaful akan berkurangan mengikut jumlah bayaran yang dibuat ke atas Sijil Tambahan Takaful ini.
e. Perbelanjaan Serta-merta Kematian	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, pihak Syarikat akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan dalam Sijil Induk Takaful, sekiranya bukti yang memuaskan diterima.

iii) Manfaat-manfaat Lain

Manfaat	Keterangan
a. Tamat Tempoh	Pada waktu tamat tempoh Sijil Takaful, jumlah baki di dalam PRIA, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk Takaful.
b. Penyerahan	Pada waktu penyerahan, jumlah baki di dalam PRIA, ditolak semua Sumbangan Takaful yang belum berbayar kepada Syarikat, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada saiz dan profil kumpulan, jenis dan jumlah perlindungan, kelas pekerjaan, pilihan rider yang disertai

Sila rujuk Sebutharga disediakan untuk butiran lanjut.

5) Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

<u>Jenis</u>	<u>%</u>
Yuran Wakalah*	20% dari Jumlah Sumbangan Takaful
Komisyen	10% dari Jumlah Sumbangan Takaful
Duti Setem	-
Cukai Perkhidmatan (jika ada)	6% daripada Sumbangan Takaful

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

Nota: Caj-caj yang dikenakan Takaful IKHLAS tidak termasuk cukai yang mungkin dikenakan di masa hadapan (termasuk cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)). Dengan pelaksanaan CBP, Takaful IKHLAS berhak untuk mengutip semula sebarang cukai yang dikehendaki oleh undang-undang daripada Peserta Takaful.

6) Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh 15 hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan –sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) Keuntungan pelaburan daripada PRIA , jika ada, akan dipulangkan kepada Pemegang Sijil Induk Takaful (Melalui PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh menolak Yuran Prestasi Pelaburan kurang daripada 30%.
- d) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- e) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful yang telah dibuat.
- f) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- g) Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

a. Pengecualian Bagi Kematian

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri di dalam tempoh satu tahun bermula pada Tarikh Efektif, meninggal dunia disebabkan virus Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, atau meninggal dunia akibat dari Keadaan Sedia Wujud sepertimana yang ditakrif dalam Sijil Takaful, tiada manfaat akan dibayar.

b. Pengecualian Bagi Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Sijil Takaful ini tidak akan memberi perlindungan ke atas sebarang keilatan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana satu kejadian yang berikut:

- i. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak;
- ii. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam;
- iii. Memasuki, mengendali atau menyelenggarakan, menaiki atau menuruni dari atau dengan sebarang peralatan atau pengangkutan udara melainkan Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau Orang Yang Dilindungi menjadi penumpang kapal terbang berlesen atau helikopter yang menyediakan perkhidmatan ke kawasan yang tiada perkhidmatan penerbangan biasa;
- iv. Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh virus Human Immunodeficiency (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual;
- v. Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Doktor yang berdaftar;
- vi. Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah;
- vii. Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti pengganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kuasa atau keganasan dan/atau ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan, dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan awam dalam ketakutan;
- viii. Semua Keadaan Sedia Wujud, seperti yang dinyatakan pada Klausula 11 Jadual Kedua, dan/atau sebarang keadaan yang timbul/wujud daripadanya kecuali ianya telah diberitahu serta diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat sebelum perlindungan Orang Yang Dilindungi berkuatkuasa.

c. Pengecualian Bagi Penyakit Kritikal

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi penyakit kritikal berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- i. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- ii. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- iii. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- iv. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;

- v. Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Peserta Takaful berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- vi. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya;
- vii. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- viii. Sebarang keadaan sedia wujud sebelum penerimaan perlindungan;
- ix. Jika penyakit tersebut didiagnos dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kuatkuasa Sijil Tambahan Takaful ini atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian, kecuali jika disebabkan oleh Kemalangan;
- x. Bagi Orang Yang Dilindungi yang terdiri daripada kanak-kanak, sebarang kecacatan atau kekurangan semenjak lahir adalah dikecualikan.

d. Pengecualian Bagi Kematian dan Keilatan Akibat Kemalangan

Sijil Tambahan Takaful ini tidak akan melindungi kematian, kehilangan atau kecacatan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- i. Orang Yang Dilindungi melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, feloni atau atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;
- ii. Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- iii. Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siuman atau tidak;
- iv. Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
- v. Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
- vi. Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
- vii. Pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
- viii. Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
- ix. Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada yang perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- x. Sebarang keuzuran atau penyakit disebabkan oleh ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau kecederaan akibat kemalangan);
- xi. Menghidu racun, gas atau bahan berwap (secara disengajakan atau tidak);
- xii. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;

- xiii. Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya.

e. Pengecualian bagi Manfaat Hospital

Sijil Tambahan Takaful ini tidak akan melindungi sebarang kemasukan ke hospital berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

- i. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- ii. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- iii. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- iv. Disebabkan oleh atau lanjutan daripada cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;
- v. Kecederaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- vi. Kecederaan, penyakit atau keilatan yang bermula sebelum penerimaan perlindungan;
- vii. Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya;
- viii. Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
- ix. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- x. Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Human Immunodeficiency dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin;
- xi. Rawatan Penjagaan Harian, Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau pembedahan eksperimen;
- xii. Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak;
- xiii. Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhitan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya;

- xiv. Keadaan Sedia Wujud sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Kedua, dan/atau keadaan yang disebabkan oleh Keadaan Sedia Wujud kecuali yang mana ianya telah dimaklumkan dan diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat;
- xv. Sijil Tambahan Takaful ini adalah tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam masa tiga puluh hari (30) hari dari tarikh pengeluaran atau tarikh Sijil Takaful ini dihidupkan semula kecuali kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana Kecederaan Akibat Kemalangan. Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Tambahan Takaful ini.

f. Pengecualian Bagi Keilatan Separa Kekal – Disebabkan Oleh Penyakit

Sijil Tambahan Takaful ini tidak akan melindungi kehilangan atau kecacatan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:-

- i. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya samada di dalam keadaan siuman atau tidak; atau
- ii. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisytiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam; atau
- iii. Memasuki, mengendali, menyelenggara atau menuruni dari atau dengan sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- iv. Jika Orang Yang Dilindungi didapati dijangkiti oleh virus HIV atau Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual; atau
- v. Semasa Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang telah dibenarkan oleh Doktor yang berdaftar; atau
- vi. Jika Orang Yang Dilindungi mengambil bahagian dalam mana-mana rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah; atau
- vii. Jika Orang Yang Dilindungi didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti penganas, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kuasa atau keganasan ataupun ancaman/ugutan kepada orang atau sekumpulan orang, sama ada tindakan perseorangan atau mewakili organisasi atau kerajaan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau atas tujuan yang sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi kerajaan untuk meletakkan orang awam atau mana-mana kawasan dalam ketakutan; atau
- viii. Keadaan Sedia Wujud sepertimana dinyatakan di dalam Jadual Kedua, dan/atau keadaan yang disebabkan oleh Keadaan Sedia Wujud kecuali yang mana ianya telah dimaklumkan dan diterima secara bertulis oleh Pihak Syarikat.

Nota: *Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.*

8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Pemegang Sijil Induk Takaful boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan menulis kepada pihak Syarikat, melalui pos berdaftar. Pemegang Sijil Induk Takaful akan menerima baki di dalam PRIA, jika ada setelah ditolak semua Sumbangan Takaful yang belum berbayar kepada Syarikat.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku insurance info mengenai 'Takaful Keluarga', dan/atau 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful IKLAS Berhad

Jabatan CRM
IKHLAS Point
Tower 11A, Avenue 5
Bangsar South
No. 8 Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Tel No: 03-2723 9999
Fax No: 03-2723 9998
Laman Web : www.takaful-ikhlas.com.my
E-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati.

- TIADA -

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN SYARIKAT ATAU ORGANISASI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam keterangan maklumat ini adalah sah pada 21/01/2015